

02/11/1998

Cuepacs jumpa Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Ahad - Cuepacs akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membincangkan kemungkinan memberi bayaran insentif kepada kakitangan awam, menggantikan bonus.

Presidennya, Abdul Aziz Mohd Sultan, berkata bayaran insentif itu bertujuan membantu kakitangan kerajaan berikutan ketiadaan bonus dalam Belanjawan 1999 yang diumumkan Dr Mahathir, baru-baru ini.

"Tempoh hujung tahun ini sememangnya membebankan kakitangan awam kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan bagi anak-anak yang memulakan persekolahan.

"Selain itu, perayaan Aidilfitri juga menjelang tiba. Ini bermakna, pemberian insentif itu akan digunakan terus dan bukan untuk disimpan," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Cuepacs di sini bagi mengumumkan resolusi mesyuarat Kongres Cuepacs hari ini.

Belanjawan 1999 yang dibentangkan Dr Mahathir di Dewan Rakyat pada 23 Oktober, tidak menyentuh pemberian bonus kepada kakitangan awam. Untuk dua tahun berturut-turut sebelum ini kakitangan awam menerima bonus sebulan gaji.

Abdul Aziz berkata, kegawatan menyebabkan harga barangan meningkat tetapi gaji kakitangan awam tetap pada kadar yang sama.

"Malah, keseluruhannya kakitangan kerajaan menerima gaji yang kurang kerana potongan dibuat pada elaun dan insentif lain," katanya.

Cuepacs akan menyenaraikan perbezaan Indeks Harga Pengguna (IHP) untuk menjelaskan keadaan sebenarnya kepada Dr Mahathir.

Beliau menegaskan, walaupun kerajaan terpaksa melaksanakan langkah drastik dalam menangani kegawatan ekonomi, anggota perkhidmatan awam tetap memberi sumbangan dan komitmen kepada negara.

"Kami juga menanggungkan semua tuntutan berkaitan semakan gaji, elaun dan kemudahan walaupun sudah lebih lima tahun berlalu sejak semakan dibuat," katanya.

Menurut Abdul Aziz, mesyuarat itu turut memutuskan untuk memohon supaya kakitangan awam di negara ini bekerja lima hari seminggu bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Serentak itu, Cuepacs akan meminta supaya Perintah Am Kerajaan yang menetapkan kerja 46 jam seminggu, dipinda kepada 42 jam seminggu selaras peruntukan Akta Pekerjaan.

"Permohonan bekerja lima hari itu membolehkan kakitangan awam menggunakan tempoh tambahan untuk bercuti di dalam negara, sekaligus membantu pertumbuhan sektor pelancongan," katanya.

Mengulas tunjuk perasaan yang berlaku di sekitar ibu kota, beliau berkata laporan yang diterima menunjukkan tidak banyak anggota perkhidmatan awam terbabit.

Bagaimanapun, katanya, Cuepacs menerima laporan ada kakitangan kerajaan yang ditahan ketika dalam perjalanan pulang dari tempat kerja atau makan tengah hari kerana pejabat mereka terletak berhampiran kawasan demonstrasi.

"Kami meminta polis bertindak mengikut lunas undang-undang supaya tidak membabitkan orang yang tidak bersalah," katanya.

(END)